

# LAPORAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN UTeM

## TAHUN

# 2013



**UTeM**

جامعة تكنولوجيا ملاكا  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## **GEDUNG ILMU DAN REPOSITORY INSTITUSI (IR)**

### **A. PENGENALAN KEPADA PERPUSTAKAAN UTeM**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ditubuhkan selaras dengan penjenamaan semula Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di bawah Seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menerusi Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan 2007) yang telah diwartakan sebagai P.U. (A) 45/2007 pada 1 Februari 2007.

Perpustakaan UTeM berperanan sebagai pusat kecemerlangan ilmu bagi warga UTeM dan mula memberikan perkhidmatannya pada 10 Jun 2001 bersempena dengan pendaftaran pelajar perintis seramai 348 orang di Kampus Sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh Melaka.

Pada 5 September 2005, Perpustakaan UTeM telah berpindah dari Kampus Sementara ke Kampus Industri dan telah beroperasi sejak 12 September 2005. Perpustakaan di Kampus Industri yang berkeluasan 2,229 meter persegi mampu menampung kapasiti pengguna seramai 400 orang pada satu - satu masa.

Manakala Perpustakaan Cawangan Kampus Induk pula menyediakan kapasiti 120 tempat duduk dalam satu - satu masa dengan keluasan ruang 432 meter persegi bagi menampung keperluan pengguna dari dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Perpustakaan UTeM juga telah membuka cawangannya di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah, Melaka yang telah beroperasi pada 01 Oktober 2007 bagi menyediakan kemudahan rujukan untuk pelajar pasca siswazah yang mengikuti kursus di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) dan kursus-kursus jangka panjang / pendek Universiti. Perpustakaan cawangan ini boleh menampung kapasiti pengguna seramai 73 orang dalam satu masa.

Pada 8 Julai 2009, Perpustakaan UTeM telah berpindah dari Kampus Industri ke bangunan baru di Kampus Induk, Durian Tunggal dan mula beroperasi sepenuhnya pada 29 September 2009 hingga kini. Perpustakaan di Kampus Induk yang berkeluasan 10,063.68 meter persegi mampu menampung kapasiti pengguna seramai 500 orang pada satu - satu masa. Seiring dengan pengoperasian perpustakaan ke bangunan baru di Kampus Induk, Perpustakaan Cawangan Kampus Induk telah ditutup pada 3 September 2009.

Selain Perpustakaan utama di Kampus Induk, terdapat dua Perpustakaan Cawangan iaitu di Kampus Bandar yang beroperasi pada 1 Oktober 2007 dan di Kampus Teknologi (dahulu dikenali Kampus Industri) yang beroperasi pada 6 Jun 2011. Ini adalah seiring dengan visi Perpustakaan UTeM bagi menjadi pusat maklumat yang terunggul, komprehensif dan kompetitif dalam bidang teknikal.

Dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pengguna, Perpustakaan telah menggunakan Integrated Library Management Utility (ILMU) sebagai sistem pengkomputeran melalui WebOPAC bagi memudahkan pengguna mengakses maklumat bahan / koleksi Perpustakaan dengan mudah, cepat dan efisien. Sistem ini bukan hanya boleh diakses di sekitar kampus sahaja malah di mana-mana sahaja melalui laman web <http://library.utem.edu.my>

Perpustakaan UTeM akan terus berusaha dengan lebih gigih untuk memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik selaras dengan wawasan Universiti untuk menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

## B. PENGURUSAN SUMBER MAKLUMAT

### 1. Bahagian Perolehan Bahan Rujukan

Perpustakaan UTeM berperanan sebagai pusat kecemerlangan ilmu dalam program pendidikan secara berterusan bagi warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Antara aktiviti yang memberikan impak besar kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah dengan menyediakan bahan rujukan yang terkini dan sesuai dengan bidang teras universiti. Koleksi rujukan terdiri daripada bahan bercetak terbitan dalam dan luar negara serta langganan pangkalan data atas talian yang dibeli dengan merujuk kepada pekeliling semasa yang dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari UTeM. Pekeliling yang dirujuk bagi pembelian buku dan terbitan luar negara ialah Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 6/2013, manakala bagi pangkalan data atas talian adalah Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 8/2012.

Perpustakaan UTeM sentiasa mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan bagi memastikan proses perolehan dapat dilaksanakan dengan sempurna untuk memenuhi keperluan pengguna dengan menggunakan peruntukan kewangan yang sedia ada mengikut tahun semasa. Selain daripada kaedah perolehan secara pembelian dan langganan, Perpustakaan UTeM juga turut menerima bahan secara

hadiah dan pertukaran serta penyerahan hasil ilmiah UTeM daripada staf akademik dan warga UTeM.

### 1.1 Unit Buku

Setiap bahan rujukan yang dipesan kepada pembekal buku merupakan bahan yang telah dicadangkan oleh staf akademik kepada Perpustakaan. Merujuk kepada Jadual 1, pada awal tahun 2013 Unit Buku telah diberikan peruntukan semasa sebanyak RM700,000.00 bagi dibelanjakan. Pada 25 Oktober 2013, Perpustakaan telah diberikan peruntukan khas untuk Fakulti Kejuruteraan Teknologi (FTK) sebanyak RM300,000.00. Jumlah keseluruhan peruntukan (RM) yang diterima oleh Perpustakaan pada tahun 2013 sebanyak RM1,000,000.00.

Jadual 1: Peruntukan Buku 2013

Perkara	(RM)
Peruntukan Tahun Semasa 2013	RM 700,000.00
Peruntukan Khas FTK	RM 300,000.00
<b>Jumlah Peruntukan Buku</b>	<b>RM 1,000,000.00</b>

Unit Buku telah membelanjakan sejumlah RM655,278.38 atau 66% daripada keseluruhan peruntukan peruntukan yang diterima pada tahun 2013 dengan perolehan sebanyak 2,582 judul/2,677 naskah.

Perbandingan tahun sebelumnya, pada tahun 2012 jumlah peruntukan yang diterima adalah sama iaitu RM1,000,000.00. Namun, peruntukan khas FTK yang diterima pada bulan Oktober 2013 telah menyumbang kepada kelewatan penerimaan bahan. Merujuk kepada Jadual 2, penurunan jumlah pesanan sebanyak 19% berbanding tahun 2012 (5,053 naskah) dan penurunan penerimaan sebanyak 39% (2,677 naskah) berbanding tahun 2012.

**Jadual 2: Perbandingan Pesanan dan Penerimaan Mengikut Tahun**

	2012		2013	
	Pesanan	Penerimaan	Pesanan	Penerimaan
<b>Judul</b>	4,979	4,272	4,098	2,582
<b>Naskah</b>	5,053	4,418	4,098	2,677
<b>RM</b>	1,520,910.88	1,299,877.51	1,129,005.12	655,278.38

Merujuk kepada Jadual 3, Unit Buku hanya mencapai 59% (2,677 naskah) penerimaan bahan daripada sasaran 4,500 naskah. Antara faktor yang dikenal pasti adalah kekurangan peruntukan yang diterima dan penerimaan peruntukan yang lewat iaitu bulan Oktober 2013.

**Jadual 3: KPI Unit Buku**

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Bilangan buku belian yang menyokong proses pengajaran , pembelajaran dan penyelidikan universiti.	4,500 naskah	2,677 naskah

## 1.2 Unit Jurnal

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### 1.2.1 Jurnal/Majalah Bercetak (Langganan)

Unit Jurnal berperanan untuk memperolehi dan memproses bahan terbitan berkala secara bercetak dan atas talian samada secara belian atau hadiah. Sehingga 31 Disember 2013, terdapat 326 judul jurnal/majalah bercetak yang dilanggan oleh Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) seperti di Jadual 1. Ini termasuk terbitan dalam dan luar negara. Pengurangan sebanyak 2.4% (8 judul) berbanding tahun 2012 disebabkan pembatalan, berhenti terbit, terbitan bergabung, dan terbitan secara atas talian sahaja.

**Jadual 1: Jurnal/Majalah Bercetak Terbitan Dalam dan Luar Negara**

PERKARA	BILANGAN JUDUL	HARGA(RM)
i. Jurnal/ Majalah Bercetak Terbitan Luar Negara	276	1,714,576.25
ii.Jurnal/ Majalah Bercetak Terbitan Dalam Negara	50	7,671.82
<b>JUMLAH</b>	<b>326</b>	<b>1,722,248.07</b>

### **1.2.2 Jurnal/Majalah Bercetak (Sumbangan)**

Pada tahun 2013, Perpustakaan UTeM menerima sumbangan jurnal/majalah bercetak sebanyak 119 judul/ 193 naskah yang disumbangkan dari pihak dalam dan luar UTeM.

### **1.2.3 Jurnal/Majalah Berjilid**

Bagi bahan jurnal/majalah berjilid terdapat peningkatan sebanyak 8.6% (183 judul/300 naskah) berbanding tahun 2012.

### **1.2.4 Pangkalan Data Atas Talian**

Di portal Perpustakaan mempunyai sejumlah 31 judul pangkalan data yang diperolehi secara belian dan percuma. Tiada pertambahan angka daripada tahun sebelumnya, hanya terdapat pertukaran judul bagi pangkalan data secara percuma. Walaupun tiada pertambahan dari segi langganan tahunan, terdapat 4 pembelian "one time purchase" iaitu tiga *backfile* dan satu *ebook* seperti di Jadual 2. Setiap pangkalan data ini menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan Universiti.

**Jadual 2: Pangkalan Data Atas Talian (One Time Purchase)**

BIL.	JUDUL	HARGA (RM)	PEMBEKAL
1	ScienceDirect (Backfile Engineering & Technology)		
2	ScienceDirect (Backfile Materials Science)	364,634.40	Elsevier
3	ScienceDirect (Backfile Computer Science)		

4	McGraw Hill eBook ( <i>Electrical &amp; Electronic Cluster dan Manufacturing Engineering</i> )	48,688.50	Areesh Education
<b>413,322.90</b>			

Unit Jurnal telah memperuntukan sejumlah RM3,587,808.28 bagi pembaharuan dan pembelian jurnal/ majalah bercetak dan pangkalan data bagi tahun 2013. Ini merupakan kenaikan sebanyak 5.16% (RM175,966.40) berbanding tahun 2012. Merujuk kepada Jadual 3, sebanyak 18 judul pangkalan data yang dilanggan melibatkan peruntukan sejumlah RM1,452,237.31 pada tahun 2013.

**Jadual 3: Pangkalan Data Atas Talian 2013**

BIL	JUDUL	HARGA (RM)	PEMBEKAL
1	ACM Digital Library	22,173.92	Access Dunia
2	ASME Online Journals	10,670.41	Access Dunia
3	Begell House	21,483.00	Access Dunia
4	British Standards Online (BSOL)	74,580.00	Access Dunia
5	Ebrary Academic Complete	30,423.00	Access Dunia
6	Emerald Management Extra Plus	206,427.46	Emerald
7	Engineering Village (EV)	20,437.86	Elsevier
8	EngNetBase	22,400.00	Access Dunia
9	IEEE Xplore	266,170.00	IEEE/United Tech
10	Institute Of Physics Journal (IOP)	27,709.50	Access Dunia
11	Knovel*	55,845.00	KNOVEL
12	McGraw-Hill's Access Engineering	19,360.00	McGraw Hill
13	ScienceDirect	503,593.70	Elsevier
14	Serials Solutions Summon*	52,099.53	Access Dunia
15	SIAM (Society for Industrial and Applied Mathematics)	6,021.00	Access Dunia
16	Turnitin Plagiarism Prevention Module (PPM)	15,400.00	Apex Knowledge
17	WilsonWeb (Ebsco)	51,052.93	EBSCO
18	Malaysian Standard (MS) Online System + SIRIM Membership	46,390.00	SIRIM
19	Ebsco (Business Source Complete and Academic Premier)		
20	ProQuest Dissertation & Theses-Fulltext		
21	NetLibrary (Ebsco)		
22	Scopus		

23	Bernama Library & infolink Service (BLIS)	
JUMLAH		RM 1,452,237.31

Petunjuk:

- Pangkalan Data Terbitan Luar Negara
- Pangkalan Data Terbitan Dalam Negara
- Pangkalan Data Komersil (Langganan Kementerian Pendidikan Malaysia)

#### 1.2.4.1 Statistik Penggunaan Pangkalan Data Tahun 2013

Jumlah keseluruhan kekerapan pengaksesan bagi semua pangkalan data langganan adalah sebanyak 203,752 penggunaan dari Januari hingga Disember 2013. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 9,257 di mana pada tahun 2012 jumlah keseluruhan pengaksesan pangkalan data adalah sebanyak 213,009 akses.

Pangkalan data IEEE Xplore menunjukkan bilangan pengaksesan yang paling tinggi bagi tahun 2013 iaitu sebanyak 96,252 pengaksesan diikuti dengan pangkalan data Science Direct sebanyak 59,171 pengaksesan dan pangkalan data Emerald sebanyak 14,289 pengaksesan. Ini menunjukkan akses paling utama bagi pangkalan data ini adalah merujuk kepada bidang teras universiti berkaitan kejuruteraan, teknologi dan komputer. Melanggan kedua-dua pangkalan data ini adalah bertepatan dengan bidang teras universiti.

Jadual 1 menunjukkan untuk melihat perbandingan jumlah keseluruhan pengaksesan pangkalan data bagi tahun 2012 dan 2013. Bagi tahun 2013, pengaksesan pangkalan data yang paling rendah adalah merujuk kepada pangkalan data Malaysian Standard Online system dengan pengaksesan sebanyak 24, dituruti oleh pangkalan data SIAM sebanyak 64 pengaksesan dan British Standard Online sebanyak 78 pengaksesan.

Pada jadual tersebut, terdapat penurunan pada jumlah keseluruhan pengaksesan pangkalan data daripada tahun 2012 dan 2013. Penurunan ini disebabkan berlakunya pertukaran IP address universiti pada bulan Julai 2013

dan masalah ini juga memberi kesan kepada pengaksesan pangkalan data di luar kampus. Penyelesaian masalah ini melibatkan Bahagian Automasi, Pusat Komputer dan pihak pembekal pangkalan data. Bagaimanapun, ianya masih menunjukkan corak pengaksesan yang sama di mana pengaksesan IEEE Xplore adalah yang paling popular.

**Jadual 1: Kekerapan Penggunaan Pangkalan Data Tahun 2012 dan 2013**

Bil.	Pangkalan Data	2012	2013	Peningkatan/ Penurunan (Akses)
1	Access Engineering	3,239	4,896	1,657
2	ACM Digital Lib.	3,745	5,496	1,751
3	ASME	543	742	200
4	Begell House	240	205	35
5	British Standard Online	16	62	46
6	Ebrary	5,266	3,102	2,164
7	Emerald	14,356	14,289	67
8	Engineering Village 2	4,292	2,429	1,862
9	EngNetBase	1,091	894	198
10	IEEE Xplore	111,373	96,252	15,120
11	IOP	3,062	3,099	37
12	Knovel	2,536	269	2,267
13	Malaysian Standards Online Systems	25	24	1
14	Sciences Direct	59,277	59,171	106
15	SIAM	23	64	41
16	WILSON Web	3,926	12,758	8,831
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>213,009</b>	<b>203,752</b>	<b>9,257</b>

**Petunjuk:**

Peningkatan

Penurunan

### 1.3 Unit Koleksi UTeM, Hadiah & Pertukaran

#### 1.3.1 Pengenalan


Unit Koleksi UTeM Hadiah & Pertukaran merupakan unit yang turut sama menyumbang kepada pembangunan koleksi Perpustakaan. Objektif utama unit ini adalah

memperolehi bahan daripada organisasi luar secara hadiah dan pertukaran serta mengumpul koleksi bahan yang dihasilkan oleh warga Universiti.

### 1.3.2 Bahan Sumbangan

Sehingga 31 Disember 2013, jumlah penerimaan bahan sumbangan mengikut judul mencatatkan peningkatan sebanyak 12% (-135 judul) berbanding pada tahun 2012. Jumlah penerimaan bahan sumbangan mengikut naskah mencatatkan peningkatan sebanyak 77% (+648 naskah) berbanding tahun 2012. Bahan tersebut diterima daripada organisasi termasuk IPTA/S, Jabatan Kerajaan dan Swasta seperti gambarajah 1.

**Statistik Perbandingan Penerimaan Bahan Sumbangan  
Mengikut Bulan Bagi Tahun 2012 & 2013**



**Gambarajah 1**

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
		2013	2013
1	Bilangan penerimaan bahan monograf & CD hadiah	700 naskah	757 naskah

### **1.3.2.1 Badan Bukan Kerajaan (NGO) Penyumbang Bahan**

Bahan-bahan sumbangan yang diterima oleh Perpustakaan UTeM adalah hasil sumbangan daripada beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti di bawah:


- |    |                         |              |
|----|-------------------------|--------------|
| 1. | Asia Foundation         | = 268 Naskah |
| 2. | Soka Gakkai Malaysia    | = 86 Naskah  |
| 3. | Badan Cemerlang Sdn Bhd | = 28 Naskah  |

### **1.3.3 Koleksi UTeM**

Koleksi UTeM adalah merupakan hasil penulisan, penganjuran dan penyertaan warga UTeM. Sasaran penerimaan bahan Koleksi UTeM pada tahun 2013 adalah sebanyak 3,000 naskah dan pencapaian bagi tahun 2013 adalah 2,893 naskah.

Sehingga 31 Disember 2013, perbandingan penerimaan bahan Koleksi UTeM mengikut judul mencatatkan peningkatan penerimaan sebanyak 0.4% (+11 judul) berbanding tahun 2012. Penerimaan bahan mengikut naskah mencatatkan penurunan penerimaan sebanyak 12% (-412 naskah) berbanding tahun 2012. Penurunan kadar penerimaan bahan pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh Perpustakaan UTeM hanya menerima artikel berdasarkan tahun semasa berbanding tahun 2012 yang melibatkan penerimaan artikel daripada tahun 2010 hingga 2012 daripada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) seperti gambarajah 2.

**Statistik Perbandingan Penerimaan Bahan Koleksi UTeM Mengikut Bulan Bagi Tahun 2012 & 2013**



**Gambarajah 2**

BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
		2013	2013
1	Bilangan penerimaan bahan Koleksi UTeM	3,000 naskah	2,893 naskah

اوینورسیتی تیكنکل ملیسیا ملاک

### C. MENGINDEKS DAN MEMPROSES BAHAN AYASA MELAKA


#### 1. Penerimaan Bahan Buku Pembelian Tahun Semasa

Sepanjang tahun 2013, sejumlah 2,901 naskah buku pembelian telah diterima daripada Bahagian Perolehan berbanding 4,276 naskah diterima pada tahun 2012. Bahan-bahan ini meliputi buku belian asal, Cataloging in Publication (CIP) dan naskah tambahan (NT). Jadual menunjukkan penurunan jumlah penerimaan buku pembelian sebanyak 1,375 naskah iaitu 32.2% pada tahun 2013.

### Statistik penerimaan buku pembelian Tahun 2012 dan 2013

Bahan	Tahun		Pertambahan / Pengurangan
	2012	2013	
Buku (Asal)	973n	870n	(-) 103n
Buku (CIP)	2,567n	1,961n	(-) 606n
Buku (NT)	736n	70n	(-) 666n
<b>Jumlah</b>	<b>4,276n</b>	<b>2901n</b>	<b>(-) 1,375n</b> <b>32.2%</b>

### Perbandingan jumlah penerimaan buku pembelian tahun 2012 dan 2013



\*Jumlah bilangan mengikut naskah


## 2. Pengindeksan Buku Pembelian Tahun Semasa

Pada tahun 2013, sejumlah 2,806 naskah buku pembelian telah dikatalog berbanding 4,101 naskah pada tahun 2012. Bahan tersebut merangkumi 863 naskah buku asal, 1,873 naskah buku CIP dan 70 naskah buku NT. Jadual di bawah menunjukkan penurunan jumlah pengeluaran buku pembelian sebanyak 1,295 naskah iaitu 31.6% pada tahun 2013.

### Statistik pengeluaran buku pembelian

Bahan	Tahun		Pertambahan / Pengurangan
	2012	2013	
Buku (Asal)	892n	863n	(-) 29n
Buku (CIP)	2,430n	1873n	(-) 557n
Buku (NT)	779n	70n	(-) 709n
<b>Jumlah</b>	<b>4101n (95.9%)</b>	<b>2806n (96.7%)</b>	<b>(-) 1295n 31.6 %</b>

### Perbandingan jumlah pengeluaran buku pembelian Tahun 2012 dan 2013



\*Jumlah bilangan mengikut naskah

## 3. Pencapaian Keseluruhan

### 3.1 Pengindeksan Buku Pembelian


Sepanjang tahun 2013, sejumlah 868 judul (980 naskah) buku asal berjaya dikatalog dan ini adalah penurunan sebanyak 145 naskah dari tahun 2012. Begitu juga dengan buku CIP di mana sebanyak 1881 judul (1,926 naskah) telah dikatalog berbanding 2,874 judul (2,994 naskah) pada tahun 2012 melibatkan

penurunan sebanyak 1,068 naskah bahan. Bagi naskah tambahan pula, sejumlah 26 judul (92 naskah) telah dikatalog berbanding 0 judul (851 naskah) pada tahun 2012 melibatkan penurunan sebanyak 759 naskah bahan.

**Pencapaian keseluruhan aktiviti Mengindeks Buku belian (Asal), CIP dan Naskah Tambahan (NT)**

Bahan	Tahun		Pertambahan / Pengurangan
	2012	2013	
Buku (Asal)	1,047j / 1,125n	868j/ 980n	(-) 145n
Buku (CIP)	2,874j / 2,994n	1,881j/ 1,926n	(-) 1,068n
Buku (NT)	0j / 851n	26j/ 92n	(-) 759n
<b>Jumlah</b>	<b>3,921j / 4,970n</b>	<b>2,775j/ 2,998n</b>	<b>(-) 1,972n 39.7 %</b>

**Jumlah pengindeksan buku pembelian Tahun 2012 dan 2013**



\*Jumlah bilangan mengikut naskah

### 3.2 Pengindeksan Bahan Terbitan Berkala


Dalam tahun 2013, sebanyak 10 judul (20 naskah) jurnal hadiah dan 239 judul (351 naskah) jurnal berjilid yang berjaya dikatalog berbanding tahun 2012.

Jadual menunjukkan penurunan terhadap bahan terbitan berkala sebanyak 167 naskah pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya.

#### Pencapaian keseluruhan aktiviti pengkatalogan Bahan Terbitan Berkala

Bahan	Tahun		Pertambahan / Pengurangan
	2012	2013	
Jurnal Baru	64j / 131 n	0j/ 0n	(-) 131 n
Jurnal Hadiah	40j / 74 n	10j/ 20n	(-) 54 n
Jurnal Berjilid	187j / 333 n	239j/ 351n	(+) 18 n
<b>Jumlah</b>	<b>291j / 538n</b>	<b>249j/ 371n</b>	<b>(-) 167 n</b>

#### Jumlah Pengkatalogan Bahan Terbitan Berkala Tahun 2012 dan 2013



\*Jumlah bilangan mengikut naskah

### 3.3 Pengindeksan Bahan Hadiah Dan Sumbangan


Bagi bahan hadiah dan sumbangan, sebanyak 636 judul (1,284 naskah) buku terbitan luar berjaya dikatalog manakala sebanyak 54 judul (139 naskah ) laporan tahunan luar dan 5 judul (5 naskah) kertas seminar luar telah berjaya

diproses pada tahun 2013. Jadual menunjukkan peningkatan terhadap buku terbitan luar dan kertas seminar, serta penurunan terhadap laporan tahunan pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya. Pengurangan laporan tahunan yang diindeks adalah kerana faktor penerimaan yang kurang daripada Bahagian Perolehan bagi tahun 2013.

#### Pencapaian keseluruhan aktiviti pengindeksan Bahan hadiah dan sumbangan

Bahan	Tahun		Pertambahan / Pengurangan
	2012	2013	
Buku terbitan luar	819j / 1191n	636j / 1284n	(+) 93n
Laporan Tahunan	220j / 311n	54j / 139n	(-) 172n
Kertas seminar	0j / 0n	5j / 5n	(+) 5n
<b>Jumlah</b>	<b>1,039j / 1,502n</b>	<b>695j / 1,428n</b>	<b>(-) 74</b>

Jumlah Pengindeksan Bahan hadiah dan sumbangan Tahun 2012 dan 2013



\*Jumlah bilangan mengikut naskah

### 3.4 Pengindeksan Bahan Koleksi Khas

Bagi bahan koleksi khas, sejumlah 1,283 judul (1,283 naskah) Projek Sarjana Muda telah diproses berbanding 1,284 judul (1,284 naskah) pada tahun 2012. Bagi Tesis pula, jumlah yang telah dikatalog pada tahun 2013 ialah 343 judul (344 naskah) berbanding 74 judul (74 naskah) pada tahun 2012. Bagi Penyelidikan Jangka Pendek sebanyak 49 judul (49 naskah) telah dikatalog berbanding 77 judul (77 naskah) pada tahun 2012.

Bagi koleksi Buku terbitan UTeM sebanyak 42 judul (82 naskah) telah diproses berbanding 18 judul (53 naskah) pada tahun 2012. Pada tahun 2013, sejumlah 1 judul (3 naskah) laporan tahunan UTeM telah dikatalog berbanding 3 judul (7 naskah) pada tahun 2012. Bagi makalah sejumlah 69 judul (70 naskah) telah diproses dalam tahun 2013. Sejumlah 11 judul (11 naskah) kertas peperiksaan telah dikatalog pada tahun 2013, manakala sebanyak 14 judul (18 naskah) kertas seminar UTeM telah diproses pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 sejumlah 8 judul (25 naskah).

Pencapaian keseluruhan aktiviti mengindeks Bahan Koleksi Khas

Bahan	Tahun		Pertambahan / Pengurangan
	2012	2013	
Projek Sarjana Muda	1,284j / 1,284n	1,283j / 1,283n	(-) 1n
Tesis	74j / 74n	343j / 344n	(+) 270n
Penyelidikan Jangka Pendek	77j / 77n	49j / 49n	(-) 28n
Buku Terbitan UTeM	18j / 53n	42j / 82n	(+) 29n
Laporan tahunan UTeM	3j / 7n	1j / 3n	(-) 4n
Makalah	158j / 160n	69j / 70n	(-) 90n
Kertas peperiksaan	-	11j / 11n	(+) 11n
Kertas seminar UTeM	8j / 25n	14j / 18n	(-) 7n
Terbitan berkala UTeM	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>1,622j / 1,680n</b>	<b>1,812j / 1,860n</b>	<b>(+) 180n</b>


### 3.5 Pengindeksan Bahan Media

Bahan media yang telah dikatalog sepanjang tahun 2013, adalah sebanyak 1098 judul (1,223 naskah) melibatkan 165 judul (241 naskah) bahan media asal, 42 judul (90 naskah) bahan media sumbangan dan 891 judul (892 naskah) bahan media koleksi khas. Peningkatan sebanyak 64 naskah bagi bahan media asal dan 5 naskah bagi bahan media sumbangan, manakala bahan media koleksi khas menurun sebanyak 216 naskah berbanding tahun 2012.

**Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Mengindeks Bahan Media**

<b>Bahan</b>	<b>Tahun</b>		<b>Pertambahan / Pengurangan</b>
	<b>2012</b>	<b>2013</b>	
Bahan Media Asal	146j / 177n	165j/ 241n	(+) 64n
Bahan Media Sumbangan	67j / 85n	42j/ 90n	(+) 5n
Bahan Media Koleksi khas	1,105j / 1,108n	891j/ 892n	(-) 216n
<b>Jumlah</b>	<b>1,138j / 1,370n</b>	<b>1,098j/ 1,223n</b>	<b>(-) 147n</b>

**Jumlah Pengindeksan Bahan Media Hadiah Tahun 2012 dan 2013**



\*Jumlah bilangan mengikut naskah

### 4. Penerimaan Dan Pengeluaran Bahan Mengikut Kategori

Sehingga penghujung Disember 2013, jumlah bahan yang diterima dan diproses oleh Bahagian Pengindeksan adalah seperti berikut:

Bahan	Tahun 2013		Baki
	Penerimaan	Pengeluaran	
<b>BUKU PEMBELIAN</b>			
Buku (Asal)	814j/ 870n	807j/ 863n	7j/ 7n
Buku (CIP)	1,926j/ 1,961n	1,838j/ 1873n	88j/ 88n
Buku Naskah Tambahan (NT)	53j/ 70n	53j/ 70n	-
<b>BAHAN TERBITAN BERKALA</b>			
Jurnal Baru	0j/ 0n	0j/ 0n	-
Jurnal Hadiah	115j/ 138n	109j/ 127n	6j/ 11n
Jurnal Jilid	239j/ 352n	239j/ 352n	-
<b>BAHAN HADIAH</b>			
Buku Terbitan Luar	557j/ 899n	557j/ 899n	-
<b>KOLEKSI KHAS</b>			
Projek Sarjana Muda	1,288j/ 1,288n	1,049j/ 1,049n	239 j/ 239 n
Tesis	130j/ 130n	130j/ 130n	-
PJP	46j/ 46n	46j/ 46n	-
Buku Terbitan UTeM	47j/ 74n	47j/ 74n	-
Kertas Peperiksaan	26j/ 26n	26j/ 26n	-
Makalah UTeM	89j/ 89n	89j/ 89n	-
MoU	2j/ 2n	2j/ 2n	-
Kertas seminar/ kursus	19j/19n	19j/ 19n	-
<b>BAHAN MEDIA</b>			
Media Asal	54j/ 54n	54j/ 54n	-
Media Terbitan Berkala	19j/ 33n	19j/ 33n	-
Media Sumbangan	17j/ 17n	17j/ 17n	-
Media Koleksi Khas	1,100j/ 1100n	868j/ 868n	232 j/ 232 n
<b>JUMLAH</b>	<b>6,541j/ 7,168n</b>	<b>5,969j/ 6591n</b>	<b>572j/ 577n</b>
<b>PERATUSAN</b>	<b>(6,591n/ 7,168n x100)</b>	<b>91.2 %</b>	<b>8 %</b>

#### 4.1 Bahan-Bahan Lain Dalam Proses (Backlog)

Sehingga 31 Disember 2013, jumlah backlog yang telah dikenalpasti ialah 572 judul/ 577 naskah. Ini melibatkan buku asal (7 judul), buku CIP (88 judul), jurnal hadiah (6 judul), Projek Sarjana Muda (239 judul) dan CD (Iringan) Projek Sarjana Muda (232 judul) yang tidak dapat diproses kerana bahan tersebut diterima pada penghujung bulan Disember 2013.

#### Statistik bahan backlog

Bil.	Bahan	Tahun	Baki
		2013	
1.	Buku asal	7j/ 7n	7j/ 7n
2.	Buku CIP	88j/ 88n	88j/ 88n
3.	Jurnal Hadiah	6j/ 11n	6j/ 11n
4.	Projek Sarjana Muda - FKP	239 j/ 239 n	239 j/ 239 n
5.	CD (I) PSM	232 j/ 232 n	232 j/ 232 n
	<b>JUMLAH</b>	<b>572j/ 577n</b>	<b>572j/ 577n</b>

#### Statistik bahan backlog repositori

Bil.	Bahan	Tahun	Baki
		2012	
1.	Projek Sarjana Muda - FKE	163j/ 163n	163j/ 163n
2.	Projek Sarjana Muda - FTMK	63j/ 63n	63j/ 63n
3.	Tesis	66j/ 66n	66j/ 66n
	<b>Jumlah</b>	<b>292j/ 292n</b>	<b>292j/ 292n</b>

Sehingga 31 Disember 2013, jumlah backlog bahan repositori yang telah dikenalpasti ialah 292 judul (292 naskah). Ini melibatkan Projek Sarjana Muda Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) sebanyak 163 judul (163 naskah), Projek Sarjana Muda Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) sebanyak 63 judul (63 naskah), dan Tesis sebanyak 66 judul (66 naskah). Ini adalah

disebabkan oleh pencapaian segelintir staf yang tidak mencapai sasaran mengimbas bahan yang ditetapkan iaitu sebanyak 40 judul sebulan.

## 5. PENDIGITAN

### 5.1 Bahan repositori


Perpustakaan telah meningkatkan usaha dalam kerja pendigitan bahan koleksi khas UTeM. Berikut adalah analisa proses pendigitalan e-Prints sepanjang tahun 2013. Sebanyak 989 judul bahan koleksi khas UTeM telah diimbas melibatkan 97,233 helai muka surat, dan hanya 721 judul bahan dapat dimuatnaik ke dalam sistem e-Prints.

**Statistik Pengimejan dan Memuatnaik Bahan**

Proses	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Og	Sept	Okt	Nov	Dis	JUM
Pengimejan (judul)	103	121	214	112	170	43	41	71	56	23	0	35	989
Memuatnaik (judul)	182	88	0	175	132	23	17	17	59	28	0	0	721

Berdasarkan jadual, proses pengimejan bahan berjalan seperti biasa, namun bagi aktiviti memuatnaik bahan tidak dapat dilakukan pada bulan November dan Disember disebabkan kerosakan suis di kawasan mesin pengimbas dan fokus staf pada aktiviti mengindeks bahan.

**Jumlah Pengimejan dan Memuatnaik Bahan Ke e-Prints**




## 5.2 Bahan Ez-Proxy

Berikut adalah analisa proses pendigitalan bahan ke dalam sistem Ez-Proxy sepanjang tahun 2013. Sebanyak 430 judul bahan koleksi khas UTeM iaitu kertas peperiksaan fakulti telah diimbas dan 641 judul bahan dapat dimuatnaik ke dalam sistem Ez-Proxy.

**Statistik Pengimejan dan Memuatnaik Bahan**

Proses	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	JUM
Pengimejan (judul)	189	-	-	-	-	177	-	-	-	-	-	64	430
Memuatnaik (judul)	464	-	-	-	-	177	-	-	-	-	-	-	641

**Jumlah Pengimejan dan Memuatnaik Bahan ke Ez-Proxy**



## D. PENGURUSAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT


Perpustakaan UTeM menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk memenuhi keperluan pengguna. Diantara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut :

### 1. Kelas Pendidikan Pengguna (KPP)

Kelas Pendidikan Pengguna adalah program bimbingan khusus mengenai penggunaan perkhidmatan dan kemudahan di perpustakaan. Pustakawan akan mengendalikan kelas ini pada tarikh yang telah ditentukan pada setiap semester dan juga atas permintaan Pensyarah dari masa ke semasa. Topik taklimat merangkumi teknik pencarian bahan melalui katalog perpustakaan atas talian (WebOPAC), pendedahan menggunakan *User Account Sistem ILMU*, pencarian maklumat melalui Pangkalan Data Atas Talian, makluman jenis kemudahan dan perkhidmatan di perpustakaan dan sebagainya. Dengan mengikuti kelas ini, pengguna berpeluang mempraktikkan apa yang dipelajari dengan bimbingan Pustakawan. Kelas Pendidikan Pendidikan Pengguna ini terbuka kepada pelajar dan staf akademik baharu, pelajar tahun akhir dan penyelidik.

Jumlah keseluruhan Kelas Pendidikan Pengguna diadakan sepanjang 2013 adalah sebanyak 65 kali dan telah dihadiri seramai 797 orang berbanding 38 kali (893 orang). Penurunan jumlah peserta adalah 96 orang (10.7%). Namun begitu dari segi jumlah mengadakan kelas ini telah meningkat iaitu melebihi 27 kali berbanding tahun 2012 (71%). Sejumlah 142 orang Pembantu Penyelidik (GRA/RA/SRA) telah menghadiri KPP dan peserta dari FTMK mencatatkan kehadiran tertinggi bagi tahun 2013 iaitu seramai 31 orang. Rujuk gambarajah 1.

**Gambarajah 1: Statistik Perbandingan Kelas Pendidikan Pengguna  
Bagi Tahun 2012 & 2013**




## **2. Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)**

Perkhidmatan ini bertujuan membantu pengguna memperolehi bahan yang tiada di dalam koleksi Perpustakaan UTeM melalui kerjasama antara perpustakaan lain sama ada di dalam negeri atau di luar negara. Perkhidmatan ini terbuka kepada pelajar dan staf UTeM. Selain itu juga, Perpustakaan ini juga menerima permohonan daripada Perpustakaan IPT lain bagi meminjam bahan yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan UTeM.

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pada tahun 2013, Bahagian Rujukan telah menerima sebanyak 93 permohonan SPP berbentuk buku dan 232 artikel atas talian dengan jumlah keseluruhan adalah 325 berbanding 355 judul permohonan pada tahun 2012. Penurunan permohonan SPP adalah sebanyak 30 permohonan (9%). Sejumlah 249 (77%) permohonan daripada 325 permohonan berjaya dipenuhi oleh perpustakaan. Manakala dari sasaran objektif kualiti MS ISO jabatan, sejumlah 241 (97%) judul artikel dan buku berjaya dipenuhi permintaan di bawah 10 hari bekerja dari jumlah keseluruhan penerimaan 249 judul seperti gambarajah 2.


**Gambarajah 2: Statistik Perbandingan Sistem Pembekalan Penerbitan  
Bagi Tahun 2012 & 2013**



### 3. Pameran

Bahagian Rujukan juga berperanan dalam mengadakan pameran bagi tujuan mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan kepada warga UTeM. Selain itu, perpustakaan juga mengadakan pameran semasa dengan kerjasama agensi luar. Pada tahun 2013, Bahagian Rujukan telah meningkatkan jumlah pameran kepada 25 kali berbanding 18 kali pada tahun 2012. Gambarajah 3 menunjukkan statistik perbandingan pameran bagi tahun 2012 dan 2013.


**Gambarajah 3: Statistik Perbandingan Pameran  
Bagi Tahun 2012 & 2013**



#### 4. Lawatan

Sehingga 31 Disember 2013, Perpustakaan UTeM telah menerima lawatan daripada 9 kumpulan (359 orang) berbanding 21 kumpulan (827 orang) pada tahun 2012. Peserta lawatan terdiri daripada pelajar dan staf Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara, sekolah dan politeknik.

**Gambarajah 4: Statistik Perbandingan Lawatan  
Bagi Tahun 2012 & 2013**




#### 5. Pertanyaan Rujukan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pertanyaan rujukan merujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh pengguna kepada Pustakawan yang bertugas di Meja Penasihat Pengguna (MPP). Pustakawan akan mencatat setiap pertanyaan dan mengisi pada borang pertanyaan di MPP mengikut kategori yang telah ditentukan.

Pada tahun 2013, MPP telah menerima pertanyaan rujukan sebanyak 987 pertanyaan berbanding 688 pertanyaan rujukan pada tahun 2012. Secara tidak langsung dengan peningkatan jumlah pertanyaan ini menunjukkan peranan MPP semakin penting dan menjadi rujukan utama ketika pengguna hadir ke perpustakaan.

**Gambarajah 5: Statistik Perbandingan Jumlah Pertanyaan Rujukan Bagi Tahun 2012 & 2013**




## **6. Pertanyaan Melalui Laman Sosial Facebook Dan Twitter**

Perpustakaan turut mengikuti arus semasa dan peka dengan kehendak pengguna masa kini yang gemar berinteraksi dan berkomunikasi melalui laman sosial seperti di *Facebook* dan *Twitter*. Laman *Facebook* telah diwujudkan pada tahun 2011 dan telah mendapat sambutan yang baik dari pengguna iaitu 2,216 orang penggemar. Sepanjang tahun 2013, terdapat 41 soalan yang telah diajukan di *Facebook* dan telah diberi maklumbalas oleh Pustakawan yang mengendalikannya dengan cepat, ringkas dan padat.

Bagi laman *Twitter* yang ditubuhkan pada bulan April 2013, sambutan yang diberikan juga amat menggalakkan dan perlu dipromosi dari masa ke semasa untuk menarik lebih ramai pengikut. Sehingga kini, *Twitter* Perpustakaan UTeM mempunyai 53 pengikut dan jumlah ini dijangkakan akan terus bertambah. Tiada pertanyaan rujukan yang diajukan pada *Twitter* setakat ini kerana pengguna lebih banyak menggunakan *Facebook* yang telah sedia wujud sebelum ini.

**Gambarajah 6: Statistik Perbandingan Jumlah Pertanyaan Rujukan Di Facebook Bagi Tahun 2012 & 2013**



## 7. Kemudahan Fizikal Dan Prasarana

Pihak Perpustakaan UTeM telah menyediakan pelbagai kemudahan dan prasarana bagi memastikan para pengguna mendapat keselesaan dan perkhidmatan yang terbaik dalam segala urusan di perpustakaan. Berikut merupakan gambar-gambar kemudahan yang disediakan oleh pihak perpustakaan kepada pengguna mengikut aras.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


### Aras 1



**MESIN PEMULANGAN  
LAYAN DIRI**



**MESIN PEMULANGAN  
LAYAN DIRI**



**DATA**

**BILIK PANDANG DENGAR**



**RUANG BACAAN 24 JAM**

**GALERI**



**RUANG BACAAN  
AKHBAR**

**RUANG SANTAI**



**RUANG INTERNET**




**KOLEKSI BAHAN Rujukan**




**KOLEKSI FIKSyen**



KOLEKSI MAJALAH  
TEMPATAN



PAMERAN BUKU



MEDIUM KOMUNIKASI

KOLEKSI KHAS UTeM




RUANG TAYANGAN



BILIK PASCA SISWAZAH

### **Aras 2**



**RUANG BACAAAN**



**BILIK KAREL**



**BILIK TAYANGAN**



**BILIK PERBINCANGAN**

### **Aras 3**




**BILIK SEMINAR**



**BILIK KAREL**



KAREL TERBUKA



RUANG BACAAN



BILIK PERBINCANGAN

جامعة ملaka | ماليزيا | Teknikal | تكنولوجيا |

## 7.1 Perkhidmatan Baru


Perpustakaan juga telah melaksanakan langkah inovasi dalam mempelbagaikan perkhidmatan dan kemudahan yang sedia ada dengan membuat penambahbaikan perkhidmatan ke arah perkhidmatan yang mesra pengguna. Diantaranya adalah :

### 7.1.1 Cybera

Cybera adalah sistem adaptasi dari pengurusan kafe siber bagi tujuan kawalan kepada penggunaan komputer internet/tugasa dan pangkalan data. Cybera juga merupakan salah satu Pangkalan Data Dalaman yang telah dibuat penambahbaikan dengan menggunakan Window XP Pro dan Windows 2000

sebagai kaedah yang menghubungkan komputer tersebut dengan komputer server di Kaunter Media.

Pengguna hanya perlu mendaftar di kaunter untuk mendapatkan "password" dan seterusnya "login" komputer yang disediakan. Tiada tempoh masa ditetapkan bagi penggunaan komputer tersebut. Sistem ini telah digunakan pada bulan Februari 2013.



## اوینور سیستی تیکنیکل مالیسیا ملاک

### 7.1.2 Supersaas


#### UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Sistem Supersaas pula merupakan salah satu daripada Pangkalan Data Dalaman yang dibangunkan oleh Perpustakaan UTeM. Sistem ini merupakan satu sistem yang membolehkan pengguna membuat tempahan bilik/ruang sama ada tempahan melalui Kaunter Media atau tempahan secara "online".

Bilik/ruang yang boleh di tempah melalui sistem Supersaas ialah Bilik Tayangan, ruang tayang, Bilik Pangkalan Data, Bilik Pascasiswazah, Bilik Seminar 1 dan 2. Pengguna hanya perlu mendaftar untuk membolehkan tempahan dilakukan. Sistem ini juga telah digunakan pada bulan Februari 2013.

### 7.1.3 Twitter

Twitter adalah sebuah jaringan informasi yang berfungsi bagi mendekatkan staf perpustakaan dengan pengguna khususnya para pelajar bagi menangani persoalan seperti mana kaedah yang telah diperkenalkan sebelum ini iaitu *Ask Librarian* dan *Facebook*. Twitter Perpustakaan UTeM telah diwujudkan pada bulan April 2013 dan sambutan yang diberikan adalah amat menggalakkan.



#### **7.1.4 iPAD**

Pendekatan ini dibuat setelah satu kaji selidik telah dijalankan bagi mengetahui sama ada pengguna berminat untuk menggunakan iPad sekiranya perkhidmatan tersebut disediakan di Perpustakaan. Kaji selidik ini telah dijalankan kepada 350 orang pengguna yang terdiri daripada staf dan pelajar UTeM di mana jumlah ini mewakili purata kunjungan pengguna ke perpustakaan dalam sehari. Pada Ogos 2013, Perpustakaan UTeM membuat perancangan untuk memperkenalkan perkhidmatan baru iaitu pinjaman iPad selepas mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan tertinggi universiti.

Di Malaysia, tidak banyak perpustakaan yang menyediakan perkhidmatan ini. Oleh yang demikian, Perpustakaan UTeM mengambil inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan ini kepada pelajar UTeM dengan menyediakan 5 buah iPad sedia dipinjam pada awal tahun 2014.




### **8. Keahlian Perpustakaan**

#### **8.1 Keahlian Mengikut Kategori Pengguna**

Semua warga UTeM adalah ahli perpustakaan. Berikut adalah jumlah keahlian perpustakaan mengikut kategori.

### Jumlah Keahlian Mengikut Kategori Pengguna

Kategori keahlian	Jumlah
Staf Akademik	815
Staf Pentadbiran	1,137
Alumni	6
Peserta Kursus	72
Pelajar Ijazah	9,236
Pelajar Diploma	1,103
Jurutera Pengajar	5
Pembantu Pegawai Penyelidik	16
Pelajar Sarjana	685
Pelajar Doktor Falsafah	228
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>13,303</b>




### 8.2 Keahlian Luar

Keahlian luar membolehkan ahli masyarakat di luar kampus bersama memanfaatkan sumber maklumat, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di perpustakaan. Penyertaan pengguna luar sebagai ahli perpustakaan diharapkan akan meningkatkan aktiviti pembacaan, pencarian maklumat dan penyelidikan yang menjadi asas untuk membangunkan masyarakat yang

bermaklumat dan berpengetahuan. Berikut adalah jumlah keahlian luar Perpustakaan UTeM bagi tahun 2013.

### Jumlah Keahlian Luar

Bulan	Jumlah keahlian
Jan	0
Feb	2
Mac	0
April	0
Mei	1
Jun	46
Julai	1
Ogos	0
September	0
Oktober	0
November	42
Disember	0
<b>Jumlah</b>	<b>92</b>



## E. REPOSITORY INSTITUSI UTeM (IR)

Repositori Institusi (UTeM IR) bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja Pusat Repositori UTeM setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Tetap Senat (Hal Ehwal Akademik) pada November 2009 dan mula beroperasi pada penghujung 2011.

Sehubungan dengan itu, Perpustakaan UTeM melalui Jawatankuasa Kerja Pusat Repositori UTeM dan Jawatankuasa Teknikal dan Pelaksana UTeM IR telah bertanggungjawab untuk mengumpul dan mendigitalkan semua koleksi terbitan UTeM yang diterima melalui fakulti dan CRIM untuk dijadikan sumber rujukan.


Repositori Institusi (IR) UTeM adalah merupakan 'one stop centre' bagi pengumpulan semua hasil terbitan UTeM yang terdiri daripada bahan yang berbentuk teks atau bukan teks. Antaranya adalah seperti koleksi artikel, kertas persidangan, paten, sumber pengajaran, monograf, seksyen buku, buku, tesis, Projek Sarjana Muda, Laporan Projek Jangka Pendek/Panjang dan semua hasil penulisan ilmiah penyelidik.

Sehubungan dengan itu, perpustakaan berperanan memastikan keseragaman data yang dimuatnaik oleh penyelidik berjalan lancar. Secara tidak langsung unit-unit yang terlibat di perpustakaan menyokong pembangunan repositori ini melalui aktiviti-aktiviti seperti memproses, membangun dan memantau penghasilan dokumen digital mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Fungsi perpustakaan sebagai pusat penyebaran maklumat secara tidak langsung dapat mengetengahkan segala perancangan maklumat dan aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kepada semua penyelidik universiti. Gambarajah 1 menunjukkan statistik muatnaik bahan bagi tahun 2013.

**Gambarajah 1: Statistik muatnaik bahan bagi tahun 2013**

BULAN \ JENIS BAHAN	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Artikel	2	3	7	22	9	7	64	32	32	19	16	55
Seksyen Buku	1	-	-	1	-	-	-	-	-	8	-	-
Tesis	1	-	-	-	-	-	-	-	1	2	1	-
Kertas Seminar	1	-	-	1	-	1	19	11	21	3	8	47
Buku	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	2
Monograf	-	-	-	-	-	-	1	2	264	85	2	54
Patent	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-
<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>7</b>	<b>24</b>	<b>9</b>	<b>8</b>	<b>84</b>	<b>46</b>	<b>318</b>	<b>117</b>	<b>28</b>	<b>158</b>

**Statistik Muatnaik Bahan Repositori Institusi UTeM 2013**



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



اوینورسیتی تکنیکال ملسا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
Laporan Tahunan 2013

Unit Automasi

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
(UTeM)

## PENGENALAN

Secara amnya, Unit Automasi mengurus dan menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

1. Menyokong dan memantau perjalanan Repositori Institusi (UTeM) dari segi kemasukan bahan ke dalam Sistem Eprints mengikut tatacara dan format yang seragam.
2. Menguruskan Sistem Perpustakaan iaitu ILMU (Integrated Library Management Utilities) bagi kegunaan staf dan juga pengguna perpustakaan.
3. Memastikan portal perpustakaan sentiasa berinformasi terkini dan mesra pengguna serta berfungsi supaya dapat diakses oleh semua pengguna perpustakaan.
4. Mengenalpasti sistem, keperluan dan peralatan yang memberi manfaat kepada staf dan juga pengguna perpustakaan.
5. Menyediakan platform dan naiktaraf tatacara proses kerja manual kepada elektronik.
6. Menyokong perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dengan memastikan sistem perpustakaan sentiasa berfungsi dengan baik.

**Unit Automasi khususnya bertanggungjawab memastikan sistem/web portal berikut berjalan dengan lancar dan baik:**

1. ILMU
2. EzProxy
3. Portal Perpustakaan
4. Repositori Institusi UTeM
5. Sistem Tempahan Bilik/Ruang Atas Talian (Supersaas)
6. Cybera (Pendaftaran Penggunaan Komputer)
7. e-Melaka
8. Knowledge Management

### **Staf**

#### **Pustakawan**

Nurul Akmar Mehat  
Norshahila Che Din

#### **Pembantu Perpustakaan**


Shazley Sahibuddin

## LAPORAN PENCAPAIAN UNIT AUTOMASI 2013

### 1. Aduan Kerosakan / Masalah Teknikal

Aduan kerosakan / masalah teknikal ini meliputi aduan yang diterima daripada staf dan pengguna. Sebanyak 60 aduan telah diterima sepanjang tahun 2013. Aduan-aduan ini diterima melalui borang dan email. Berikut adalah senarai jenis-jenis aduan yang telah diterima iaitu:

- o Software – 31 aduan
- o Hardware – 9 aduan
- o Network – 2 aduan
- o ILMU – 6 aduan
- o Printer – 12 aduan



**Carta 1**


(Menunjukkan senarai aduan yang diterima mengikut kategori sepanjang tahun 2013)

### 2. Pengemaskinian rekod peralatan, perkakasan dan perisian

Pada tahun 2013, Unit Automasi telah menerima satu modul iaitu Modul Stock Take bagi kegunaan Unit Sirkulasi dalam menjalankan kerja-kerja pengemaskinian stok perpustakaan. Modul ini telah diterima pada bulan Mei 2013. Berikut adalah senarai peralatan, perkakasan dan perisian yang berkaitan dengan perkhidmatan yang telah dipertanggungjawabkan di bawah pengawasan Unit Automasi.

- o PC Staf – 68 Set
- o PC Pelajar – 110 Set
- o PC Kaunter – 41 Set
- o Printer – 26 Unit
- o Scanner – 9 Unit
- o Workstation – 2 Unit
- o Perisian – 1 Unit

JUMLAH PERALATAN, PERKAKASAN DAN PERISIAN 2013



(Menunjukkan jumlah perkakasan, peralatan dan perisian bagi tahun 2013 mengikut kategori)

### 3. 'Back-up' Data

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Sebanyak 334 kali data telah di'back-up' secara automatik sepanjang tahun 2013. Server akan membuat 'back-up' database secara automatik pada setiap awal pagi. Ruang simpanan 'hard disk' sentiasa dipastikan mencukupi untuk proses 'back-up' tersebut.

### 4. Naiktaraf Sistem ILMU

Naiktaraf versi perisian ILMU (Integrated Library Management Utility) daripada versi 2010 ke 2012 pada 10 Jun 2013.

### 5. Repozitori Institusi UTeM


Perpustakaan bertanggungjawab dalam memastikan format dan piawaian dalam setiap bahan yang telah dimuatnaik ke dalam sistem. Perpustakaan juga berperanan dalam mengumpul statistik muatnaik bahan ke dalam Sistem Repozitori Institusi UTeM. Berikut adalah statistik muatnaik bahan bagi tahun 2013.

### STATISTIK MUATNAIK BAHAN KE DALAM REPOSITORY INSTITUSI UTeM 2013

BULAN JENIS BAHAN	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
<b>Artikel</b>	2	3	7	22	9	7	64	32	32	19	16	55
<b>Seksyen Buku</b>	1	-	-	1	-	-	-	-	-	8	-	-
<b>Tesis</b>	1	-	-	-	-	-	-	-	1	2	1	-
<b>Kertas Seminar</b>	1	-	-	1	-	1	19	11	21	3	8	47
<b>Buku</b>	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	2
<b>Monograf</b>	-	-	-	-	-	-	1	2	264	85	2	54
<b>Patent</b>	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-
<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>7</b>	<b>24</b>	<b>9</b>	<b>8</b>	<b>84</b>	<b>46</b>	<b>318</b>	<b>117</b>	<b>28</b>	<b>158</b>




**Statistik Muatnaik Bahan Repository Institusi UTeM 2013**



## 6. EzProxy

Berikut adalah statistik penggunaan EzProxy bagi tahun 2013.

Januari	390418
Februari	303399
Mac	517317
April	481471
Mei	631382
Jun	596411
Julai	227255
Ogos	127170
September	437953
Oktober	680152
November	813014
Disember	850193
JUMLAH	6056135




## 7. Portal Perpustakaan

Berikut adalah statistik kunjungan pengguna ke Portal Perpustakaan bagi tahun 2013.

Januari	24054
Februari	20303
Mac	22597
April	23201
Mei	24590
Jun	19111
Julai	18865
Ogos	15259
September	20754
Oktober	22800
November	28319
Disember	25393
JUMLAH	265246

Statistik Pengguna Portal Perpustakaan

2013



## 8. Keahlian Pengguna

Sehingga Disember 2013, jumlah keahlian perpustakaan yang masih aktif adalah sebanyak 13,066 orang.

## 9. Inisiatif Unit

### I. Video Korporat Perpustakaan

Sebuah video perpustakaan telah dihasilkan. Video ini mengandungi maklumat berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Perpustakaan UTeM. Video ini dihasilkan dengan menggunakan Video Maker.

### II. Perpustakaan UTeM di Youtube

Sebanyak tiga video telah dimuatnaik ke Youtube iaitu dua video daripada Kelas Pendidikan Pengguna dan satu video berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan UTeM.

### III. Library Mobile

Portal Perpustakaan UTeM boleh diakses melalui telefon pintar bermula Nov 2013. Menu yang dipaparkan adalah:

- o About us
- o Current updates
- o Services
- o Facilities
- o Follow Us
- o Map

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, Unit Automasi telah mencapai objektif dan sasaran seperti yang dirancangkan didalam Sasaran Kerja Tahunan 2013. Unit Automasi akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan komitmen dalam menjalankan sesuatu projek atau tugasan seperti yang dirancangkan.

## LAPORAN KURSUS DAN LATIHAN 2013

### Bahagian Pentadbiran

#### BENGKEL BLUE OCEAN PERPUSTAKAAN

TARIKH KURSUS : 19- 20 JUN 2013  
JUMLAH PESERTA : 28 ORANG (4 ORANG TIDAK HADIR)  
TEMPAT : BILIK TAYANGAN ARAS 1 PERPUSTAKAAN  
PENCERAMAH : EN. MOHD NASIR BIN HJ. MD RASHID

#### Objektif Bengkel

1. Untuk memberi pengetahuan kepada Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan bagaimana mengaplikasikan Blue Ocean Strategy dalam pengurusan Perpustakaan.
2. Mengenalpasti prinsip-prinsip yang terdapat di dalam Blue Ocean Strategy untuk disesuaikan dengan dunia Perpustakaan dan Kepustakawanan.

#### Kandungan

1. Pengenalan kepada Blue Ocean Strategy
2. Prinsip-prinsip dalam Blue Ocean Strategy
3. Mengelola pemikiran di luar kebiasaan dengan mengaplikasikan cara-cara yang kreatif dan inovatif, tetapi dalam masa yang sama dengan kos yang minima



UTEM

اوینورسیتی تیکنیک ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KOLOKIUM PEJABAT PERPUSTAKAAN

TARIKH KURSUS : 21 JANUARI 2013  
JUMLAH PESERTA : 17 ORANG  
MASA : 8.00 PAGI – 5.00 PETANG  
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 2, ARAS 2 PERPUSTAKAAN

### OBJEKTIF

Objektif program ini adalah bagi berkongsi maklumat dan pengetahuan dari kursus/bengkel/seminar yang telah dihadiri dan seterusnya dapat memberi impak yang positif kepada Pejabat Perpustakaan

### PEMBENTANG

1. OCLC Asia Pacific Regional Council Membership Conference  
Pembentang - En. Azman bin Hj Ayup & En. Zaidi bin Saad
2. Kursus P & P untuk pentadbir  
Pembentang – Pn. Siti Saluwa binti Jamal
3. Kualiti dalam perkhidmatan  
Pembentang - Cik Rasida binti Abu Bakar
4. Blue Ocean Strategy : An Overview  
Pembentang - En. Mahadir bin Che Ali
5. 2<sup>nd</sup> Perpun International Conference & Workshop on Value Management for Libraries  
Pembentang - Pn. Fauziah binti Hassan & Pn. Nurul Akmar Mehat
6. Seminar kepentingan penilaian risiko di pejabat  
Pembentang- En. Mohd Mawardi bin Badruddin

## KOLOKIUM PEJABAT PERPUSTAKAAN

TARIKH KURSUS : 15 JULAI 2013  
JUMLAH PESERTA : 38 ORANG  
MASA : 8.30 PAGI – 12.00 TENGAHARI  
TEMPAT : BILIK TAYANGAN ARAS 1 PERPUSTAKAAN

### OBJEKTIF

Objektif program ini adalah bagi berkongsi maklumat dan pengetahuan dari kursus/bengkel/seminar yang telah dihadiri dan seterusnya dapat memberi impak yang positif kepada Pejabat Perpustakaan

### PEMBENTANG

1. Seminar on new media & information literacy catalyst for life long learning  
Pembentang - En. Arman bin Mohammad & Cik Norshahila binti Che Din
2. Blue Ocean Strategik Perpustakaan  
Pembentang – En. Mohd Razif bin Dzulkifli, Pn. Mez Zelina binti Yusof
3. Kovensyen Perpustakaan 2013  
Pembentang – Pn. Wizana binti Abdul Jalil, & Noraini binti Mohd Noor
4. Young Executive Management  
Pembentang- En. Azman bin Hj Ayup, Pn Siti Saluwa binti Jamal & En. Arman bin Mohammad

## **KURSUS KESEDARAN ISO 9001 : 2008 PEJABAT PERPUSTAKAAN**

TARIKH KURSUS : 1 NOVEMBER 2013  
JUMLAH PESERTA : 42 ORANG (3 ORANG TIDAK HADIR)  
MASA : 8.30 PAGI – 5.00 PETANG  
TEMPAT : BILIK TAYANGAN ARAS 2, PERPUSTAKAAN  
PENCERAMAH : PN HJH. FARIDAH BINTI HJ MD AMIN  
EN. ARMAN BIN MOHAMMAD

### **OBJEKTIF**

Objektif program ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan seterusnya dapat memberi kesedaran kepada kepada warga Pejabat Perpustakaan tentang kepentingan ISO MS 9001: 2008 dalam meningkatkan kualiti kerja.




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KURSUS BLUE OCEAN STRATEGY 2 PEJABAT PERPUSTAKAAN

TARIKH KURSUS : 19- 20 DISEMBER 2013  
JUMLAH PESERTA : 21 ORANG (1 ORANG TIDAK HADIR)  
TEMPAT : BILIK TAYANGAN ARAS 1 PERPUSTAKAAN  
PENCERAMAH : EN. AZMAN HJ AYUP  
